




UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



DASAR PENYELIDIKAN & INOVASI UiTM


2025



© Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, UiTM 2025

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

E-mel : jpi@uitm.edu.my



**DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

BAHAGIAN	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	4
2.0	PERNYATAAN DASAR	4
3.0	OBJEKTIF DASAR	4
4.0	TAKRIFAN	5
5.0	SKOP DASAR	5
6.0	KERANGKA DASAR	7
7.0	PEMAKAIAN DASAR	9
8.0	PEMATUHAN DASAR	9
9.0	RUJUKAN	9
	LAMPIRAN	11



DASAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI (DPI)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENGENALAN

Dasar Penyelidikan dan Inovasi (DPI) Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan dokumen dasar komprehensif yang memayungi keseluruhan aspek penyelidikan dan inovasi UiTM. DPI bertujuan memberi panduan menyeluruh kepada warga UiTM dalam memperkasa penyelidikan dan inovasi sejajar dengan dasar kerajaan serta aspirasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Dasar ini ialah dokumen rujukan utama yang merangkumi hala tuju, strategi, dan tadbir urus penyelidikan serta inovasi universiti.

2.0 PERNYATAAN DASAR

UiTM komited memperkukuhkan penyelidikan dan inovasi selaras dengan visi, misi universiti serta agenda penyelidikan global bagi mencapai status universiti unggul bertaraf dunia.

3.0 OBJEKTIF DASAR

- 3.1. Memperkasakan aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berintegriti merentas disiplin ilmu.
- 3.2. Memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi melalui jaringan kerjasama dengan rakan strategik dari dalam dan luar negara.
- 3.3. Membudaya pemindahan hasil penyelidikan dan inovasi untuk manfaat sosioekonomi masyarakat.
- 3.4. Meningkatkan hasil pengkomersialan inovasi dengan penggunaan teknologi terkini.

4.0 TAKRIFAN

Terma dan takrifan utama di dalam dasar ini:

Etika Penyelidikan: Prinsip moral dan piawaian tingkah laku yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan penyelidikan.

Inovasi: Penghasilan atau pelaksanaan idea, proses, produk atau perkhidmatan baharu yang memberikan nilai tambah dan impak positif kepada masyarakat atau persekitaran.

Komuniti Penyelidik: Kumpulan termasuk ahli akademik, pasca doktoral, felo penyelidik, pegawai penyelidik atau pelajar yang aktif menjalankan penyelidikan di UiTM.

Penyelidikan: Aktiviti penyiasatan atau kajian yang sistematik dan berdisiplin yang dijalankan oleh penyelidik untuk menjana pengetahuan atau pemahaman baharu, atau untuk mengembangkan pengetahuan sedia ada.

Perundingan: Perkhidmatan nasihat kepakaran profesional yang diberikan oleh staf UiTM kepada pihak luar atas dasar fi perkhidmatan atau secara sukarela.

Pengkomersialan: Proses menjana pendapatan ekonomi melalui pengeksploitan dan pemindahan harta intelek atau hasil penyelidikan untuk manfaat komersial.

Rakan Strategik: Individu, organisasi, atau entiti yang menjalin kerjasama untuk mencapai matlamat bersama dalam meningkatkan kualiti penyelidikan dan inovasi universiti. Kerjasama ini melibatkan perkongsian sumber, kepakaran, dan peluang yang saling menguntungkan.

Universiti: Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Warga Universiti : Semua staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar di seluruh sistem UiTM.

5.0 SKOP DASAR

Dasar ini meliputi semua aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan yang melibatkan warga universiti, seperti di bawah:

5.1. Tadbir Urus

5.1.1 Pengurusan dan pemantauan aktiviti penyelidikan dan inovasi.

5.1.2 Penubuhan dan pengoperasian Entiti Kecemerlangan.

5.1.3 Pengurusan sumber penyelidikan dan infrastruktur.

5.2. **Pembangunan Bakat**

5.2.1 Pembangunan bakat penyelidikan dan inovasi di kalangan warga universiti.

5.2.2 Peningkatan keupayaan penyeliaan pasca siswazah.

5.3. **Jaringan Kerjasama**

5.3.1 Pengukuhan kerjasama penyelidikan bersama rakan strategik di dalam dan luar negara.

5.3.2 Peningkatan mobiliti warga universiti dalam penyelidikan dan inovasi.

5.3.3 Pemetaan kedudukan UiTM dalam bidang tumpuan kebitaraan universiti di dalam dan luar negara.

5.4. **Hasil Penyelidikan**

Hasil penyelidikan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada,

5.4.1. **Penerbitan:** Penerbitan dalam artikel jurnal berindeks dan lain-lain penerbitan seperti buku penyelidikan, bab dalam buku penyelidikan, kertas polisi, kajian kes, laporan teknikal, artikel di dalam majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan daripada persidangan, digital atau media cetak.

5.4.2. **Penghasilan Bakat:** Penyeliaan pelajar pasca siswazah (Doktor Falsafah atau Sarjana) dalam mod penyelidikan (pengajian sepenuh masa) dan bergraduat.

5.4.3. **Harta Intelekt:** Reka cipta dan produk inovasi yang diberikan perlindungan di bawah perundangan harta intelek seperti paten, cap dagangan, hak cipta atau lain-lain harta intelek.

5.4.4. **Hasil Pengkomersialan:** Pendapatan yang diterima oleh universiti daripada pengkomersialan seperti royalti jualan, hasil daripada pemindahan teknologi, hasil daripada penyerahan/pemberian lesen Hak

Harta Intelek, dividen daripada saham atau hasil daripada jualan saham untuk mengkomersialkan Harta Intelek.

5.5. Latihan, Pemindahan Teknologi dan Perundingan

5.5.1. Penyebaran dan pemindahan hasil penyelidikan melalui latihan untuk manfaat masyarakat.

5.5.2. Pemindahan teknologi melalui pengeksploitasian harta intelek dan pepadanan industri.

5.5.3. Perkhidmatan perundingan dan bidang kepakaran kepada jabatan kerajaan dan swasta serta badan-badan profesional.

5.6. Etika Penyelidikan

5.6.1 Pewujudan ekosistem penyelidikan berintegriti, beretika, telus dan adil.

5.6.2 Pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berkaitan.

6.0 KERANGKA DASAR

DPI mempunyai enam (6) komponen utama bagi memperkasakan komuniti penyelidik UiTM dalam penyelidikan dan inovasi (seperti Rajah 1) yang merangkumi aspek berikut:

6.1. Tadbir Urus

Pengemasan urus tadbir penyelidikan UiTM yang merangkumi dasar, prosedur, dan struktur organisasi bagi meningkatkan kecekapan, pemantauan serta pematuhan kepada peraturan universiti dan negara.

6.2. Pembangunan Bakat

Pemeriksaan bakat dalam penyelidikan dan inovasi UiTM melibatkan latihan, bimbingan dan pembangunan profesional bagi meningkatkan keterampilan para penyelidik.

6.3. Jaringan Kerjasama

Penguatan jaringan kerjasama dengan rakan strategik termasuk perkongsian dan pemindahan ilmu, peluang pembiayaan, penyelidikan berimpak yang dapat merungkai isu nasional dan antarabangsa.

6.4. Hasil Penyelidikan

Penggunaan hasil penyelidikan (penerbitan, penghasilan bakat, harta intelek dan pengkomersialan) secara aktif untuk memberi manfaat kepada industri dan masyarakat bagi menyelesaikan masalah di dalam mahupun luar negara.

6.5. Latihan, Pemindahan Teknologi dan Perundingan

Peningkatan pemindahan teknologi, perundingan dan latihan kepada industri dan masyarakat dapat mengurangkan jurang di antara universiti dan industri, selain dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

6.6. Etika Penyelidikan

Penekanan etika penyelidikan terhadap amalan yang berintegriti, telus dan akauntabiliti dalam menjalankan aktiviti penerokaan ilmu dan menghasilkan output penyelidikan. Komponen ini menjadi asas kepada semua aktiviti penyelidikan dan inovasi di UiTM.



Rajah 1 : Kerangka DPI

7.0 PEMAKAIAN DASAR

Dasar ini hendaklah dibaca dan ditafsir bersama-sama dengan mana-mana Dasar, Peraturan, Garis Panduan dan Pekeliling Universiti yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Segala hal ehwal penyelidikan dan inovasi mesti dimaklumkan atau didaftarkan di Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI). Tarikh kuatkuasa pemakaian dasar ini mulai 30 Oktober 2025.

8.0 PEMATUHAN DASAR

Setiap warga universiti dianggap telah mengetahui, membaca, memahami dan mematuhi DPI. Mekanisme pemantauan dan penilaian akan dijalankan secara berkala untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar ini.

9.0 RUJUKAN

Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (2022). *Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi (Edisi Kelima)*. Bahagian Kecemerlangan Penyelidikan IPT.

Kementerian Pendidikan Tinggi (2015), *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Tinggi (2025), *Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPTM) 2025-2035 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Tinggi.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (2020). *Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030*. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (2025). *Pelan Hala Tuju Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE)*.

National Science Council (2020). *The Malaysia Code of Responsible Conduct in Research* (2nd Edition). Academy of Sciences Malaysia.

Universiti Malaya (2012). *Dasar Penyelidikan dan Inovasi*.UM.

Universiti Malaysia Sabah (2020), *Dasar Penyelidikan dan Inovasi*. UMS.

Universiti Sains Malaysia. (2022), *Dasar dan Etika Penyelidikan*. Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan, USM.

Universiti Teknologi MARA (2013). *Dasar Penyelidikan dan Inovasi*. Institut Pengurusan Penyelidikan.

Universiti Teknologi MARA (2020). *Kod dan Nilai Etika Warga UiTM*. Penerbit UiTM.

Universiti Teknologi MARA (2009). *Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173)[Cetakan semula]*.

DASAR, AKTA, GARIS PANDUAN, PERATURAN, PELAN TINDAKAN, PROSEDUR, DAN PEKELILING BERKAITAN DENGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI UiTM

Perkara	Dokumen Rujukan
Tadbir Urus Penyelidikan & Inovasi	<i>Dasar Entiti Kecemerlangan UiTM Pindaan 2020</i>. (2020). Neksus Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA. <i>Garis Panduan Entiti Kecemerlangan UiTM Pindaan 2020</i>. (2020). Neksus Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA. <i>Garis Panduan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE)</i>. (2023). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi.
Etika Penyelidikan	<i>Akta Biokeselamatan 2007</i> (Akta 678). (2007). Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. <i>Dasar Etika Penyelidikan Yang Melibatkan Penyertaan Manusia</i>. Jawatankuasa Etika Penyelidikan Versi 3.0/2022. (2022). Universiti Teknologi MARA. <i>Guideline Research Ethics Committee (REC) and Researchers</i> (Revision 2025, Ver. 3). (2025). Universiti Teknologi MARA. <i>Guide for The Care And Use of Laboratory Animals</i>. (2011). 8th Edition. National Research Council, United States of America. <i>Guidelines on the Care and Use of Animals for Scientific Purposes</i>. (2004). NACLAR, Singapore. <i>Malaysian Guideline for Good Clinical Practice</i>. (2018). 4th Edition. National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA), Ministry of Health Malaysia. <i>Malaysian Code of Practice for the Care and Use of Animals for Scientific Purposes (MY CODE)</i>. (2020). 2nd Edition. Animal Welfare Board, Department of Veterinary Services. <i>Peraturan-Peraturan Biokeselamatan (Kelulusan dan Pemberitahuan) 2010</i>. (2010). Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam. World Medical Association. (2024, December 13). <i>WMA Declaration of Helsinki – Ethical Principles for Medical Research Involving Human Participants</i>. https://www.wma.net/policies-post/wma-declaration-of-helsinki/

Pembangunan Bakat Hasil Penyelidikan Latihan, Pemindahan Teknologi dan Perundingan	<i>Dasar Harta Intelek UiTM.</i> (2021). Business Innovation & Technology Commercialization Centre, Universiti Teknologi MARA. <i>Dasar Pengkomersialan Harta Intelek UiTM.</i> (2022). Business Innovation & Technology Commercialization Centre, Universiti Teknologi MARA. <i>Prosedur & Garis Panduan Penubuhan Syarikat Pemula (Start-up) dan Syarikat Terbitan (Spin-off).</i> (2021). Business Innovation & Technology Commercialization Centre, Universiti Teknologi MARA. <i>Garis Panduan Geran Penyelidikan.</i> (2020). https://rmc.uitm.edu.my/index.php/directory/research-grant-guideline <i>Garis Panduan Penerbitan Jurnal UiTM.</i> (2019). Penerbit UiTM. <i>Garis Panduan Pemantauan Geran Penyelidikan, Pindaan 2018.</i> (2018). Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA.
Lain-lain	<i>Garis Panduan Pengurusan Aset Alih Penyelidikan.</i> (2022). Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA. <i>Garis Panduan Umum Permohonan ke Luar Negara Menggunakan Peruntukan Geran Penyelidikan (Pindaan Tahun 2024).</i> (2024). Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi MARA. <i>Glosari Malaysia Research Assessment Instrument (MyRA) I & II Pindaan 2023.</i> (2023). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. <i>Glosari Instrumen Penilaian HICoE Teras Penyelidikan dan Inovasi Edisi 2023.</i> (2023). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. <i>Glosari Instrumen Penilaian HICoE Teras Perkhidmatan Edisi 2023.</i> (2023). Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. <i>Pelan Strategik UiTM 2025 : Menyerlahkan Potensi Membentuk Masa Hadapan</i> (2020). Bahagian Transformasi Universiti, Universiti Teknologi MARA. <i>Pekeliling Akademik Bilangan 5 Tahun 2017 : Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP 3.0) UiTM.</i> (2017). HEA, Universiti Teknologi MARA.

	<i>Pekeliling Akademik Bilangan 3 Tahun 2022 : Pelaksanaan Pindaan Kerangka Laporan Penilaian Prestasi Tahunan di Sistem MyATP Bagi Staf Akademik Universiti Teknologi MARA Bermula Tahun 2022.</i> (2022). HEA, Universiti Teknologi MARA. <i>Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2018: Tatacara Pengurusan Aset Alih UiTM.</i> (2018). Bendahari, Universiti Teknologi MARA. <i>Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Bilangan 01 Tahun 2020: Pelaksanaan Key Performance Indicator (KPI) Penerbitan Tahunan Minimum bagi Staf Akademik UiTM dan Penetapan Staf Akademik UiTM dalam Trek Penyelidikan.</i> (2020). Jabatan Penyelidikan & Inovasi, Universiti Teknologi MARA.
--	---



**JABATAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
E-mel : jpi@uitm.edu.my**